



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

17 NOVEMBER 2021 (RABU)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

17 NOVEMBER 2021 (RABU)

Kaji mudarat lampu HID

KPDNHEP boleh haramkan penjualan lampu berkenaan jika ada kajian

Oleh FARAH SHAZWANI ALI

SHAH ALAM

Kerajaan boleh mengharamkan penjualan lampu HID (*High Intensity Discharge*) yang dikatakan mengganggu penglihatan dan memudarkan pengguna jalan raya jika ada kajian tentang bahaya penggunaannya.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, setakat ini penguatkuasaan penjualannya tidak boleh dibuat memandangkan ia bukan barang kawalan dan tertakluk di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999.

"Maknanya penjual boleh menjual dan pembeli boleh membelinya sehingga satu kajian dibuat oleh jabatan terlibat seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Polis Diraja Malaysia (PDRM) atau berkaitan yang mengatakan lampu tersebut bahaya kepada pengguna."

"Jadi, kena ada kajian tentang kesan penggunaan lampu tersebut pada kenderaan contohnya berapa banyak kemalangan, kematian dan seumpamanya."

"Ia juga mesti mengemukakan data dan bukti bahawa lampu HID itu bahaya kepada pengguna. Jika kajian menunjukkan ia adalah membahaya, kita boleh masukkan dalam barang kawalan dan tidak boleh dijual," katanya kepada *Sinar Harian* pada Selasa.

HARAMKAN LAMPU HID

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai gesaan Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (Formca) yang meminta kerajaan segera mengharamkan penjualan lampu HID kerana ia boleh mengganggu penglihatan dan seterusnya memudarkan pengguna jalan raya lain.

Mengulas lanjut, Rosol menjelaskan, setakat ini hanya barang *seven colour crystal ball* yang banyak diletakkan di dalam pasu bunga termasuk dalam Akta Perlindungan Pengguna 1999 kerana berbahaya untuk kanak-kanak makan dan boleh mengembang di dalam perut.

Bagaimanapun jelasnya, kerajaan melalui JPJ tidak membenarkan pemasangan lampu HID secara aksesori (*retrofit*), kecuali penukaran keseluruhan sistem lampu tersebut dengan mendapat akreditasi daripada badan yang diberi kuasa seperti SIRIM.

"Penguatkuasaan terhadap kenderaan yang menggunakan lampu HID yang dipasang secara aksesori (*retrofit*) boleh diambil tindakan dibawah Kaedah 94 Kaedah-kaedah Kenderaan Bermotor (Pembinaan dan Kegunaan) 1959 iaitu 'keadaan kenderaan bermotor yang digunakan di atas jalan raya dan semua bahagian dan aksesoriinya hendaklah sentiasa tidak mengakibatkan atau mungkin mengakibatkan merbahaya pada orang di dalam kenderaan atau di atas jalanraya'.

"Kesalahan ini boleh didenda sehingga RM2,000 atau penjara bagi tempoh tidak lebih enam bulan di bawah Sesyen 119(1) APJ 1987," ujar beliau.



Laporan Khas *Sinar Harian* pada Selasa.

Minyak masak peket diseleweng

Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA
shofi isa@mediamulia.com.my

KUANTAN: Keuntungan lamaian sehingga 150 peratus jika dijual di pasaran gelap dipercayai menjadi punca bekalan minyak masak dalam peket satu kilogram mengalami kekurangan di seluruh negara ketika ini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden Yayasan Pengguna Negara Malaysia (YPNM), Datuk Mohd. Firdaus Abdullah berkata, pemantauan pihaknya mendapati apabila harga minyak sawit mentah berada di bawah RM2,000 satu tan, tidak berlaku isu kekurangan minyak masak peket di pasaran.

Namun, ketika harga minyak sawit mentah naik RM5,200 satu tan seperti hari ini, isu kekurangan minyak masak bersubsidi terus menghantui pengguna.

Bersambung di muka 2

Minyak masak peket diseleweng

Dari muka 1

Ini kerana kerajaan menanggung subsidi supaya harga minyak masak peket itu kekal pada RM2.50 sekilogram.

"Perbezaan harga minyak bersubsidi yang besar ini membuka ruang kepada berlakunya ketirisan di peringkat pembungkus dan juga pengedar.

"Setiap bulan kita dimaklumkan bahawa minyak sawit peket cukup untuk kegunaan 32 juta rakyat negara ini, tiba-tiba ketika ini tidak cukup, jadi ke mana pergi minyak sawit peket ini," katanya.

Justeru, Mohd. Firdaus meminta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN-HEP) turun padang memantau dan mengawal selia supaya tidak berlaku ketirisan dan penyelewengan di peringkat pembungkus serta pengedar.

Sementara itu, Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Dr. Ahmad Parveez Ghulam Kadir berkata, isu kekurangan tidak sepenuhnya timbul kerana dianggarkan kira-kira 1.7 hingga 1.8 juta tan minyak sawit terdapat dalam stok.

Katanya, meskipun relatif dan pengeluaran menurun kira-kira 10 peratus berikutan kekurangan tenaga buruh, tetapi itu tidak mendorong bekalan minyak sawit tidak mencukupi.

"Walaupun pengeluaran masih rendah, tetapi mencukupi untuk bekalan tempatan," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*, semalam.

Dalam pada itu, Menteri



PENIAGA, Abdul Rahman Ahmad menunjukkan minyak masak paket yang kini dihadkan jualannya bagi setiap pelanggan di kedai di Pulau Pinang ekoran kekurangan stok. - UTUSAN/ NOOR HASLIZA NUSI

Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, isu kekurangan minyak masak di beberapa lokasi didorong permintaan tinggi berikutan pembukaan sepenuhnya sektor ekonomi.

"Minyak masak paket bersubsidi peket satu kilogram adalah untuk kegunaan rumah sahaja dan bukan untuk kegunaan industri atau peniaga.

"Apabila pembelian dilakukan oleh pihak industri dan peniaga dalam kuantiti yang tinggi, bekalan minyak masak bersubsidi ini terganggu dalam pasaran di beberapa lokasi,"

katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Bagaimanapun, katanya, gangguan bekalan itu bersifat lokalti dan sementara serta akan pulih tidak lama lagi.

Semalam, akhbar ini melaporkan, penduduk di beberapa negeri merungut kerana tidak dapat membeli minyak masak dalam peket satu kilogram walaupun sudah membuat tempahan dan ada yang merayau hingga ke daerah lain.

Peruncit pula mendakwa mereka sudah membuat pesanan untuk menambah stok di kedai tetapi tidak dihantar oleh pemborong.

'Satu atau dua paket untuk satu pelanggan'

ARAU: Masalah kekurangan bekalan minyak masak paket bersubsidi di negeri ini yang berlarutan setiap kali hujung bulan memaksa para peniaga mengehadkan pembelian satu atau dua paket sahaja kepada pelanggan.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di beberapa kedai runcit di sekitar pekan Simpang Empat di sini mendapati, rata-rata peniaga meluahkan masalah itu dan alasan diberikan pembekal sudah kehabisan kuota bekalan minyak masak bagi bulan itu.

Situasi tersebut bukan sahaja memberi kesan kepada peniaga, malah terhadap pelanggan sendiri terutamanya peniaga kedai makan yang memerlukan stok barang kawalan bersubsidi untuk menyediakan juadah makanan di kedai masing-masing.

Seorang peniaga kedai run-

cit, Zawiyah Man, 66, berkata, dia terpaksa mengehadkan sebanyak dua paket sahaja untuk pelanggan kerana bimbang bekalan terputus.

Katanya, setiap minggu kedainya akan menerima 100 paket minyak masak, namun pada minggu keempat bekalan itu sukar diperolehi.

"Oleh itu, saya terpaksa jual satu atau dua paket sahaja untuk seorang pelanggan. Kalau minggu depan, pasti akan ada masalah bekalan ini."

"Bila saya tanya kepada pembekal mereka kata tidak ada bekalan. Kalau untuk peniaga restoran itu kami cuba juga untuk memberi lebih sedikit bekalan kerana kami faham mereka memerlukan minyak untuk memasak juadah untuk jualan," katanya.



ZAWIYAH Man menunjukkan minyak masak paket yang dijual secara terhad kepada pelanggan di kedainya di Simpang Empat, Arau, Perlis, semalam. - UTUSAN/NAZLINA NADZARI

HARI : RABU
TARIKH : 17/11/2021
M/SURAT : 12

Dua minggu tidak terima bekalan

TELUK INTAN: Isu kekurangan bekalan minyak masak paket turut dikecualikan di bandar ini dengan peniaga mendakwa mereka sudah dua minggu tidak menerima bekalan barang tersebut.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di beberapa buah kedai runcit di Kampung Bahagia di sini memang berlaku kehabisan stok minyak masak paket dan keadaan itu menjadi ruangutan pelanggan.

Pekerja Agrobazaar Rakyat Kampung Bahagia di sini, Shakila Hasin, 27, berkata, premis perniagaan itu sudah terputus bekalan minyak masak paket lebih kurang dua minggu.

Menurut beliau, namun pihaknya masih menerima bekalan minyak masak botol seperti biasa.

Katanya, ketiadaan stok minyak masak paket memberi kesan kepada peniaga kerana pelanggan menyangka mereka menyorok barang tersebut untuk dijual ketika harganya naik.

"Ingin saya jelaskan kami memang kekurangan stok minyak masak berpaket sedangkan ia menjadi pilihan pelanggan," katanya ketika di sini semalam.

Menurutnya, dia ada bertanya kepada pembekal mengenai masalah itu tetapi tidak mendapat penjelasan punca kekurangan bekalan.

"Pembekal cuma kata pada masa ini memang susah nak dapat bekalan minyak masak berpaket, yang ada hanya bekalan minyak masak botol cuma harganya agak tinggi," katanya.

Sementara itu, seorang pelanggan, Ramli Junaddin, 60, berkata, kekurangan minyak masak paket sering kali berlaku sehingga kadangkala menimbulkan persepsi buruk terhadap peniaga runcit.

Minyak masak peket bukan untuk peniaga

Oleh NOOR HASLIZA NUSI

GEORGE TOWN – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menegaskan minyak masak peket bersubsidi yang dijual pada harga RM2.50 bukan untuk kegunaan komersial sebaliknya domestik.

Pengarah KPDNHEP Pulau Pinang, Mohd. Ridzuan Ab. Ghapar berkata, minyak masak 1 kilogram (kg) itu khusus untuk kegunaan isi rumah dan pembeliannya dihadkan bagi memastikan lebih banyak keluarga dapat menikmati subsidi kerajaan.

Sehubungan itu, katanya, golongan peniaga tidak termasuk dalam golongan sasar minyak masak peket berkenaan.

"Isu kekurangan bekalan minyak masak peket bersubsidi dibangkitkan akibat keinginan peniaga atau pengusaha makanan untuk melakukan pembelian secara pukal atau dalam kuantiti yang banyak.

"Bagaimanapun pemeriksaan ke atas 24 buah syarikat pembungkus yang membekalkan 3.4 juta kg minyak masak bersubsidi sebulan di negeri ini mendapat tidak berlaku gangguan di peringkat pengeluaran dan pengerangan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Tambah Mohd. Ridzuan, jumlah 1.9 juta kg minyak masak itu telah diedar ke pasar raya dan peruncit di seluruh negeri dengan baki 1.5 juta kg akan diederakan dalam bulan ini.

Sementara itu, tinjauan Kosmo! mendapati, ada pengguna yang ingin mendapatkan minyak masak peket terpaksa membayar lebih daripada harga asal.

Seorang pengguna Asrul Izham, 41, mendakwa, dia perlu membayar RM3.50 untuk mendapatkan minyak masak di sebuah kedai runcit di Timur Laut.



PENGUAT KUASA KPDNHEP memeriksa penjualan minyak masak peket di George Town.

Dalam pada itu, seorang peniaga cucur udang di Batu Ferringghi, Roslina Roslee, 38, berkata, dia terpaksa menutup semestinya gerai yang diusahakan sejak dua minggu lalu berikutan kesukaran untuk mendapatkan bekalan minyak peket.

"Saya menggunakan kira-kira tujuh minyak masak peket sehari dan tidak sanggup menggunakan minyak botol kerana mahal serta membebankan kami selaku peniaga kecil.

"Malah saya tidak setuju jika minyak peket hanya disasarkan untuk kegunaan isi rumah sedangkan peniaga kecil juga terdiri daripada suri rumah yang baru memulakan bisnes kecil-kecilan untuk menampung kewangan keluarga," jelasnya.

HARI : RABU
TARIKH : 17/11/2021
M/SURAT : 3



Nafi bekalan minyak masak kurang

Pemeriksaan KPDNHEP dapat tidak berlaku gangguan di peringkat pengeluaran dan pengedaran ke pasaran

Oleh SYAJARATULHUDA MOHD ROSLI

GEORGETOWN

Ke menterian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang menafikan perlakuan kekurangan bekalan minyak masak paket bersubsidi di negeri ini.

Pemeriksaan juga telah dilanjutkan ke atas beberapa premis runcit di dua daerah iaitu Timur Laut serta Barat Daya dan mendapati, bekalan minyak masak

paket berada di pasaran.

Pengarahnya, Mohd Ridzuan Ab Ghapar berkata, pemeriksaan ke atas 24 syarikat pembungkus yang membekalkan 3.434 juta kilogram (kg) minyak masak bersubsidi sekilogram di Pulau Pinang setiap bulan mendapat, tidak berlaku gangguan di peringkat pengeluaran dan pengedaran ke pasaran.

Menurutnya, sebanyak 1.9 juta kg minyak masak bersubsidi itu telah dieradik ke pasar raya dan peruncit untuk kegunaan domestik di seluruh Pulau Pinang dengan baki berjumlah 1.5 juta kg akan dieradik pada bulan ini.

Tiada masalah bekalan minyak paket satu kg bersubsidi di dua daerah iaitu Timur Laut dan Barat Daya seperti yang dilaporkan oleh akhbar pada Sabtu. Laporan mengatakan pembiaga kecil di dua daerah itu sukar untuk mendapatkan bekalan minyak paket juga tidak benar.

"Isu kekurangan bekalan minyak masak bersubsidi ini di-



KPDNHEP Pulau Pinang menafikan perlakuan masalah bekalan minyak masek paket satu kg di dua daerah seperti yang dilaporkan sebuah akhbar pada Sabtu.

bangkitkan kerana keinginan pembiaga atau pengusaha makanan untuk membuat pembelian secara pukal (dalam kuantiti yang banyak)," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Beliau berkata demikian bagi mengulas laporan sebuah akhbar yang mendakwa bekalan minyak

masak paket berkurangan di pasaran khususnya di bahagian pulau iaitu di daerah Timur Laut dan Barat Daya.

Katanya lagi, tiga daripada 24 syarikat pembungkus bahan mentah itu beroperasi di Georgetown dengan kuota pengeluaran bulanan sebanyak 247,

000 kg bagi kegunaan pengguna domestik di dua daerah berkenaan.

"Selain daripada tiga syarikat itu, syarikat pembungkus lain yang beroperasi di Seberang Perai turut mengedarkan minyak masak bersubsidi satu kg ke dua daerah tersebut," katanya.

Mengenai had pembelian, minyak paket bersubsidi ini Mohd Ridzuan berkata ia hanya untuk kegunaan isi rumah, pembiaga tidak dibenarkan membeli.

Katanya lagi, pemeriksaan dan pemantauan terhadap rantai bekalan minyak masak subsidi ini akan terus dilaksanakan bagi memastikan bekalan ada di pasaran untuk kegunaan pengguna domestik.

"Orang awam diminta untuk menghubungi pejabat Negeri KPDNHEP atau mana-mana pejabat Cawangan KPDNHEP Negeri Pulau Pinang untuk mendapatkan maklumat tepat mengenai keberadaan bekalan barang kawalan di pasaran," katanya.

HARI : RABU
TARIKH : 17/11/2021
M/SURAT : 16

Senarai Harga Barang Keperluan	
Ayam	RM6.49
Daging Lembu Tempatan	RM35
Daging Lembu Import	RM15.50
Telur Gred A	RM11.50
Ikan Kembung	RM10.99
Minyak Masak	RM6.40
Gula Pasir	RM2.85
Bawang Besar Holland	RM2.99
Bawang Putih	RM5.50
Cili Merah	RM11.99
Kubis Tempatan	RM4
Tepung Gandung	RM2.19

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP

Insentif bersasar, subsidi bantu selesaikan isu harga baja, racun

Oleh ZAREEN
HUMAIRAH SEJAHAN
zareen.hs@medialamula.com

KUALA LUMPUR: Pelaksanaan subsidi atau insentif bersasar merupakan antara cadangan dikemukakan kepada Jawatankuasa Bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bagi menyelesaikan isu kenaikan harga baja dan racun secara mendadak. Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ro-



RONALD KIANDEE

nald Kiandee menjawab soalan Datuk Ahmad Nazlan Idris (BN-Jerantut) mengenai langkah dan tindakan diambil bagi menan-

gani isu kenaikan kos input yang menjelaskan pendapatan petani.

Menjelaskan perkara itu, beliau berkata, cadangan tersebut memberi penekanan supaya kesan pelaksanaan mana-mana inisiatif, intervensi dan program akan memberi manfaat kepada rakyat secara berpanjangan.

“Antara cadangan sedang dipertimbangkan untuk menangani isu ini termasuklah antaranya pelaksanaan subsidi atau insentif bersasar kepada golongan petani terkesan,” katanya dalam sesi pertanyaan-pertanyaan menteri di Dewan Rakyat

semalam.

Tambah Ronald, jawatan kuasa itu telah mengenal pasti perubahan polisi negara pengesport, kenaikan kos bahan mentah, gangguan logistik dan spekulasi pasaran menjadi punca lonjakan mendadak harga baja dan racun.

Menjawab soalan tambahan pula, Ronald berkata, penelitian perlu dilakukan selain aspek penerimaan daripada pihak berkepentingan bagi memastikan kebolehlaksanaannya. Perkara tersebut merupakan susulan pelan jangka masa panjang

kementerian yang membabitkan peralihan daripada penggunaan baja kimia kepada jenis lain, termasuk organik.

“Disebabkan kebergantungan kepada komponen luar yang sekarang ini tertakluk kepada perubahan harga secara mendadak, menyebabkan harga baja domestik melambung.

“Langkah berterusan juga akan diambil termasuk berbincang dengan pengeluar komponen baja tempatan bagi enangani kesan terhadap kenaikan harga baja dan racun ketika ini,” katanya.

HARI : RABU
TARIKH : 17/11/2021
M/SURAT : 14

Punca harga baja, racun naik

Perubahan dasar di negara pengekspor, kenaikan kos bahan mentah, gangguan logistik dan spekulasi pasaran dikenal pasti punca lonjakan mendadak harga baja dan racun, kata Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Klandee.

Beliau berkata, kebanyakkan baja dan racun digunakan petani di Malaysia dihasilkan daripada bahan mentah diimport dari negara luar seperti unsur nitrogen, fosfat dan kalium, selain peningkatan harga juga dikesan di sepanjang rantai pengeluaran apabila bekalan dua bahan itu berkurangan di pasaran, walaupun permintaan sentiasa berterusan.

Justeru, katanya, Jawatankuasa Bersama Berkennaan Isu Kenaikan Harga Baja dan Racun kementeriannya serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sudah memberi beberapa cadangan kepada Kabinet, Jumaat lalu.

Tubuh jawatankuasa tangani isu harga baja, racun

KUALA LUMPUR - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menubuhkan jawatankuasa bersama bagi meneliti kaedah untuk menyelesaikan isu kenaikan harga baja dan racun.

Menteri Pertanian dan Industri Makánan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, langkah itu dibuat bagi membantu petani dan pengusaha kecil yang berhadapan isu kenaikan harga baja dan racun secara mendadak ketika ini.

"Pada 10 November 2021, Mesyuarat Jawatankuasa Bersama diadakan yang melibatkan pihak berkepentingan termasuk wakil Kementerian dan agensi serta pemain-pemain industri seperti the Malaysian CropLife & Public Health Association (MCPA), Persekutuan Persatuan-Persatuan Pekebun-Pekebun Sayur-Sayuran

Malaysia dan Persatuan Pekebun Buah-buahan Malaysia (MFFA).

"Berdasarkan perbincangan dan sesi libat urus yang diadakan dengan pihak berkepentingan, antara punca dikenal pasti berhubung isu ini adalah perubahan polisi daripada negara pengekspor, kenaikan kos bahan mentah, gangguan logistik serta spekulasi pasaran.

"Apabila bekalan baja dan racun berkurangan di pasaran dengan permintaan sentiasa berterusan, maka peningkatan harga berlaku di sepanjang rantai pembekalan produk tersebut," katanya di Dewan Rakyat.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan **Datuk Ahmad Nazlan Idris (BN-Jerantut)** yang memintanya menyatakan apakah



RONALD

langkah-langkah dan tindakan yang diambil oleh kerajaan mengenai isu kenaikan kos input pertanian khasnya baja yang mencecah sehingga 70 peratus sehingga menjas pendapatan petani.

Ronald berkata, MAFI dan KPDNHEP mengemukakan beberapa cadangan secara bersama untuk dipertimbangkan

Jemaah Menteri pada 12 November lalu dengan memberi penekanan supaya kesan pelaksanaan mana-mana inisiatif, intervensi dan program kelak dapat dirasai oleh rakyat secara berpanjangan.

"Antara cadangan sedang diperbaiki untuk menangani isu ini termasuk melalui pelaksanaan subsidi atau insentif bersasar kepada golongan petani yang terkesan," katanya.